

# Sistem edaran ayam harus dibaiki

UTUSAN MALAYSIA 22/7/2016 p.21

**KUALA LUMPUR 21 Julai** - Sistem pengedaran bermula dari penternak sehinggalah ke penjual perlu diperbaiki kerana perkara tersebut merupakan salah satu punca kenaikan harga ayam yang melampau seperti yang berlaku baru-baru ini.

Pesyarah Jabatan Sains Haiwan Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Azhar Kasim** berkata, sistem pengedaran bekalan ayam yang tidak efisien menyebabkan berlakunya dakwaan mengatakan bekalan ayam tidak mencukupi ketika musim perayaan.

Katanya, Malaysia merupakan antara negara pengeluar daging ayam tertinggi di dunia dengan pengeluaran anak ayam untuk dibesarkan melebihi 13 juta setiap minggu dan proses penyembelihan antara 1.9 hingga dua juta ekor ayam setiap hari.

"Jadi, dakwaan mengatakan bekalan daging ayam tidak mencukupi adalah tidak benar kerana syarikat-syarikat penternakan juga mempunyai stok tambahan yang disimpan dalam bentuk sejuk beku sekiranya permintaan melebihi dua juta ekor setiap hari," katanya.



**AZHAR KASIM**



**ABDUL RAHMAN**

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mengenai kenaikan harga ayam dari sudut pandangan pakar akademik di UPM, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Abdul Shukur Juraimi dan Pengarah Institut Biosains UPM, Prof. Dr. Abdul Rahman Omar.

Tambah Azhar, sudah sampai masa kerajaan mewujudkan satu mekanisme baharu untuk mengawal harga ayam sepanjang tahun bagi mengelakkan peningkatan harga ayam yang keterlaluan.

"Mungkin kita boleh mengambil contoh yang dilakukan di Ontario, Kanada di mana mereka telah menubuhkan Suruhanjaya Pemasaran

Produk Ladang Ontario (OPPMC) yang mengawal harga produk dari ladang termasuk daging ayam supaya tidak ada lagi pihak memanipulasi harga dengan sewenang-wenangnya.

"UPM juga sedia menawarkan kepakaran kami kepada kerajaan bagi melaksanakan mekanisme baharu ini supaya pengguna tidak lagi terbeban dengan kenaikan harga ayam lebih-lebih lagi ketika musim perayaan," katanya.

Sementara itu, **Prof. Dr. Abdul Rahman** berkata, faktor penyakit yang menyerang ayam sehingga mengakibatkan banyak ayam mati memang berlaku namun perkara tersebut bukanlah penyebab sebenar harga ayam naik mendadak.

Beliau yang juga pakar perubatan veterinar memberitahu, pelbagai faktor lain juga menjadi penyebab kepada kenaikan harga ayam seperti sistem pengedaran ayam tidak efisien, harga makanan ayam seperti jagung dan kacang soya yang tinggi dan sistem imunisasi ayam yang rendah.